

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 15 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 31

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25337

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah guru-guru di Sarawak yang telah dilatih untuk kompeten dalam mengaplikasikan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran dan nyatakan nama dan sekolah-sekolah yang telah memulakan Dasar Pendidikan Digital ini serta apakah keperluan dan persediaan yang dibuat oleh Kementerian untuk sekolah-sekolah berkenaan.

2. PR-1532-L25172

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimana prestasi atau keterlibatan koperasi-koperasi di dalam sektor pelancongan dalam industri pelancongan nasional memandangkan Tahun Melawat Malaysia 2026 kerana koperasi lebih cenderung dengan sektor pertanian dan pemborongan.

3. PR-1532-L25103

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keperluan rakyat untuk mendaftar dalam sistem data baharu bagi bantuan diesel melalui Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) dan tidak menggunakan sistem sedia ada iaitu Pengkalan Data Utama (PADU):

- (a) berapa kos yang terlibat dalam membangunkan sistem BUDI MADANI; dan
- (b) adakah kaedah perolehannya dilaksanakan secara tender terbuka.

4. PR-1532-L25139
Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan holistik Kementerian berhubung Laporan UNICEF bertajuk "Rantau Sepanjang Jalan" yang mendapati peningkatan kos pendidikan secara ketara di mana sekitar 78 peratus isi rumah berpandangan kos pengangkutan, kegiatan kokurikulum, makanan di kantin telah meningkat di samping kegusaran kalangan ibu bapa tentang prospek masa depan anak-anak.
5. PR-1532-L25277
Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah Kementerian memitigasi permasalahan air di Langkawi sebagai destinasi pelancongan di Kedah.
6. PR-1532-L25735
Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menguatkuasakan semula Program Penanaman Semula Sawit yang dahulunya pinjaman menjadi geran.
7. PR-1532-L25423
Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan penggunaan teknologi terutamanya melibatkan kecerdasan buatan (AI) dalam memperkukuhkan kawalan sempadan negara bagi mengurangkan risiko berlakunya ancaman jenayah kepada negara.
8. PR-1532-L24622
Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :
 - (a) berapa jumlah perpustakaan digital berdaftar di seluruh negara dan perkhidmatan yang ditawarkan; dan
 - (b) apakah inisiatif dan strategi Kementerian untuk menarik minat anak muda mendekati perpustakaan digital ini.

9. PR-1532-L25224

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah dengan kenaikan tarif elektrik akan mengakibatkan industri yang bergantung kepada penggunaan elektrik yang tinggi seperti sektor pembuatan, pemprosesan makanan dan minuman akan terjejas dari segi pendapatan dan apakah solusi Kementerian bagi membantu industri tersebut.

10. PR-1532-L25129

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan semasa untuk membina Santuari Gajah di Hutan Simpan Pedu bagi mengatasi masalah serangan gajah liar di kebun penduduk tempatan yang semakin meningkat kini.

11. PR-1532-L24761

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status hutang bon samurai (yen) sebanyak 200 bilion yen (RM7.3 bilion) yang diterbitkan oleh Malaysia pada 2019, jumlah pembayaran yang dibuat dan masih dihutang serta keuntungan tukaran wang asing atas penurunan nilai matawang yen.

12. PR-1532-L25985

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini permohonan bagi pembinaan universiti awam di Gua Musang. Apakah faktor atau kriteria yang masih dalam proses yang menjadi punca kelewatan pengesahan pembinaan universiti awam tersebut.

13. PR-1532-L24954

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tahap siap siaga pasukan keselamatan di Sabah di dalam melindungi kedaulatan negara daripada kegiatan jenayah terancang, subversif, militan dan pencerobohan memandangkan wujud kegentaran awam ekoran beberapa insiden membabitkan keselamatan.

14. PR-1532-L25089

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan yang diambil ekoran satu laporan kajian oleh Universiti Cornell di Amerika Syarikat dan telah disiarkan dalam penerbitan Environment Science And Technology bahawa rakyat Malaysia makan 15 gram mikro plastik sebulan daripada sumber makanan laut.

15. PR-1532-L25141

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perincian kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA):

- (a) jumlah permohonan dan tawaran diberikan mengikut negeri, kaum dan kursus teras bagi tahun 2022 dan 2023; dan
- (b) pelan Kementerian menilai semula Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar Tahun 2024 bagi menampung keperluan semasa negara.

16. PR-1532-L25611

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes kecederaan atau kematian akibat kesilapan penyelenggaraan, pengurusan atau pengendalian senjata api dalam kalangan anggota Sukarelawan Malaysia (RELA) semasa mereka diberikan lesen senjata api sehingga lesen mereka dibekukan.

17. PR-1532-L25569

Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) apakah usaha Kementerian dalam membantu pihak sekolah di Parlimen Beaufort yang masih kurang enam ekar keluasan tanah bagi tujuan pembangunan infrastruktur; dan
- (b) pada tahun 2024, berapa jumlah sekolah daif di Parlimen Beaufort yang mendapat peruntukan baik pulih.

18. PR-1532-L24700

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk memberikan kelulusan baharu bagi penubuhan bank koperasi yang akan memberi penumpuan kepada pembangunan usahawan luar bandar atau melibatkan negeri Pantai Timur agar jurang ekonomi dengan negeri Pantai Barat dapat dikurangkan.

19. PR-1532-L25666

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status terkini usaha Kerajaan dan pihak swasta Malaysia dalam perolehan teknologi penapisan dan pengasingan nadir bumi jenis *ion adsorption clay*.

20. PR-1532-L25269

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian dalam mewujudkan MyBrain2.0 khas untuk pelajar bukan daripada aliran sains bagi mengelakkan keciciran dalam pendidikan arus perdana.

21. PR-1532-L25149

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah semua pendapatan atau hasil yang diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Persekutuan dari bumi dan lautan Sabah setiap tahun.

22. PR-1532-L25766

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian berhubung penjualan saham Malaysia Airport Berhad (MAHB) kepada syarikat asing termasuk implikasi kewangan serta tawaran sukarela prasyarat oleh Gateway Development Alliance (GDA) dan pemegang saham yang terlibat.

23. PR-1532-L25523

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang ancaman keselamatan yang dikesan daripada pihak luar susulan ketegasan Malaysia di dalam isu Palestin dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

24. PR-1532-L25468

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana jaminan Kerajaan terhadap kenaikan harga barangan serta bebanan yang bakal ditanggung oleh golongan B40 dan M40 akibat pelaksanaan rasionalisasi subsidi dan ke manakah hasil penjimatan daripada rasionalisasi ini akan digunakan.

25. PR-1532-L25935

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini serta perincian autonomi pendidikan yang dituntut oleh Kerajaan Sarawak dan apakah cabaran yang dihadapi Kementerian dan kesan pelaksanaan autonomi tersebut terhadap sistem pendidikan negara secara keseluruhan.

26. PR-1532-L25834

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah Cukai Keuntungan Luar Biasa (Windfall Levy) yang dikutip daripada industri sawit untuk tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023; dan
- (b) ke manakah kutipan cukai ini digunakan atau dibelanjakan oleh MOF.

27. PR-1532-L25557

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana pihak polis dan pihak berkuasa yang berkenaan memberi jaminan bahawa siasatan secara menyeluruh dapat dijalankan terhadap kejadian seorang pengiring keselamatan Tengku Mahkota Johor yang didakwa memukul dan menyerang seorang pemandu *e-hailing* yang juga orang kurang upaya pada 28 Mei 2024.

28. PR-1532-L25736

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran kenaf di Malaysia dan menjadi bahan eksport yang meningkat dari semasa ke semasa.

29. PR-1532-L25389

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat merangkumi manfaat serta memastikan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan bukan warganegara Malaysia mempunyai akses sama rata kepada pendidikan awam dan penjagaan kesihatan, memandangkan akses terhad kepada keperluan asas seperti BAP dan SPBT sering menjadi punca mereka berhenti sekolah.

30. PR-1532-L25809

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam kempen menyakinkan Kesatuan Negara-Negara Eropah (EU) bahawa MSPO adalah persijilan yang memenuhi piawaian EUDR agar minyak sawit Malaysia tidak didiskriminasi di pasaran Eropah dan dunia.

31. PR-1532-L25951

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang digunakan oleh Khazanah Nasional dalam usaha menjadikan Syarikat Penerbangan MAS di bawah Malaysian Aviation Group berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM889 juta pada tahun 2023. Apakah rancangan untuk menguatkan MAS dalam tahun-tahun akan datang.

32. PR-1532-L24583

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah faktor kekebalan di mana pelajar tidak langsung boleh disentuh dan dihukum punca disiplin mereka semakin merosot contohnya kes seksual di kalangan pelajar sekolah menengah semakin meningkat.

33. PR-1532-L25231

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang bakal diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam pelaksanaan subsidi diesel secara bersasar sebagai usaha mengekang ketirisan dari terus berlaku dan adakah mekanisme yang digunapakai kelak mampu memberi jaminan konkrit bahawa tiada kenaikan harga barangan berlaku dan membebaskan rakyat.

34. PR-1532-L25112

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan terperinci pihak Kementerian terutamanya perkara melibatkan Kerajaan negeri dalam proses menghasilkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) yang dijangka siap pada tahun 2025.

35. PR-1532-L25511

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :

- (a) apakah tindakan diambil Kementerian bagi menggalakkan kecekapan tenaga dalam operasi pusat data yang akan menggunakan 8 peratus tenaga global menjelang 2030 berdasarkan unjuran IEA; dan
- (b) adakah margin rizab elektrik dan air kekal stabil bagi menyokong pertumbuhan pelaburan pusat data ke dalam negara.

36. PR-1532-L24679

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah Kementerian untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk menangani impak perubahan iklim (*climate financing*) daripada negara-negara maju serta menuntut mereka mempercepatkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau.

37. PR-1532-L24729

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan bina baru blok bangunan asrama lelaki SMA Maahad Nurul Fadzliah di Kampung Kelimat Sungai Siput (U) yang tidak selamat diduduki berdasarkan laporan pemeriksaan dan status keselamatan oleh jurutera JKR Daerah Sungai Siput.

38. PR-1532-L25549

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status tender pembinaan sekolah pendidikan khas di Simpang, Parlimen Bukit Gantang.

39. PR-1532-L(5)00249

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah-langkah penambakan polisi tenaga boleh baharu (TBB):

- (a) apakah status penyediaan draf rang undang-undang *third party access* (TPA) bekalan elektrik; dan
- (b) adakah Kementerian ada rancangan untuk menambah baik polisi untuk *self-consumption* (SELCO) dan solar-atas-bumbung (kelulusan secara berpukal) untuk projek perumahan baru.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

40. PR-1532-L25011

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membina sekolah di Bandar Padang Serai memandangkan banyak kawasan perumahan baru yang sedang dibangunkan, menyebabkan sekolah yang sedia ada sudah tidak mampu menampung pelajar-pelajar baharu.

41. PR-1532-L25959

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Akta Hasutan 1948, Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 (SOSMA) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 akan dimansuhkan ataupun sekurang-kurangnya dipinda bagi tujuan penambahbaikan. Sekiranya ya, nyatakan pindaan-pindaan yang dicadangkan tersebut. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

42. PR-1532-L25664

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan seterusnya Kementerian bagi memastikan projek pembinaan SK Abang Leman Kabong siap sepenuhnya mengikut tempoh pembinaan yang telah ditetapkan memandangkan setakat bulan Jun 2024 tiada kerja-kerja fizikal dilakukan di tapak pembinaan.

43. PR-1532-L25790

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan purata suhu di Semenanjung Malaysia sekarang berbanding dengan 50 tahun yang lalu. Apakah sebab-sebab yang mengakibatkan perubahan tersebut, jika ada.

44. PR-1532-L25469

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi kepada kenaikan hutang Kerajaan Persekutuan RM64 bilion dalam tempoh 4 bulan bermula Januari 2024 sehingga April 2024.

45. PR-1532-L25920

Tuan Chong Zhemini [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian memberi kelonggaran kepada sekolah yang ingin melaksanakan DLP dalam Sains dan Matematik sepenuhnya.

46. PR-1532-L25769

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) perincian berhubung kedudukan terkini kewangan negara termasuk hutang dan liabiliti negara yang dilaporkan meningkat kepada RM1.567 trilion pada suku pertama 2024 dari RM1.399 trilion pada akhir tahun 2022; dan
- (b) serta hutang langsung Kerajaan yang meningkat dari RM1,079.6 bilion pada akhir tahun 2022 ke RM1,209.6 bilion pada akhir suku pertama 2024.

47. PR-1532-L25187

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan bagi jangka masa pendek dan panjang yang direncana oleh pihak Kerajaan terhadap tempat-tempat yang dikategorikan sebagai kawasan 'pasti banjir'.

48. PR-1532-L25579

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) berapa banyak kes pembantu rumah yang dilaporkan didera majikan telah diambil tindakan undang-undang ; dan
- (b) berapa banyak pembantu rumah yang lari tanpa sebab dan majikan telah membuat laporan polis yang dapat diselesaikan sepanjang tempoh Januari 2023 sehingga Mei 2024.

49. PR-1532-L24456

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan pendaftaran persatuan-persatuan penganut rumah ibadat bukan Islam sehingga bulan Mei 2024, jumlah permohonan yang telah diluluskan dan sebab-sebab kelewatan kelulusan permohonan yang lain.

50. PR-1532-L25249

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil Kementerian dalam menangani masalah 86 buah sekolah yang direkodkan KPM sebagai sekolah padat bagi memastikan pembelajaran pelajar terus kondusif.

51. PR-1532-L24399

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memasang mesin pengimbas passport automatik di semua lapangan terbang antarabangsa bagi melancar dan memudahkan kemasukan pelancong asing.

52. PR-1532-L24900

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan yang telah dibelanjakan bagi tahun 2023 serta bagi bulan Januari hingga Jun 2024 melalui perolehan yang dibuat melalui kaedah selain daripada tender terbuka bagi setiap Kementerian.

53. PR-1532-L25096

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan bangunan asrama di SMK Libaran, Sandakan dan cadangan pembinaan SMK Gum-Gum 2, Sandakan.

54. PR-1532-L25683

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional aset strategik negara iaitu pengurusan lapangan terbang Malaysia di bawah MAHB dijual sahamnya kepada pihak asing.

55. PR-1532-L25615

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk menambah baik prosedur tuntutan harta pusaka kecil:

(a) usaha Kementerian dalam menyelesaikan kes-kes tuntutan pembahagian harta pusaka yang masih tertunggak; dan

(b) statistik kes tertunggak mengikut tahun didaftarkan.

56. PR-1532-L25335

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan atas aduan orang awam terhadap platform e-dagang Aplikasi DBazaar milik DBazaar Sdn Bhd yang beroperasi seperti *scam money game*.

57. PR-1532-L25336

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan terkini Dasar Pendidikan Digital di Sarawak. Apakah isu dan cabaran pembelajaran digital yang dihadapi dan apakah perancangan yang dilakukan untuk mengatasi masalah berkenaan termasuk di kawasan Parlimen Igan.

58. PR-1532-L24797

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkenaan insentif kewangan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di Malaysia mulai November 2023 dan sejauh manakah insentif kewangan kepada pengeluar gula ini akan diteruskan atau dipertimbangkan Kerajaan untuk dimansuhkan dalam Belanjawan 2025.

59. PR-1532-L25972

Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) mengapa peningkatan kadar pemberian khas untuk negeri Sabah kepada RM53.4 juta dalam Belanjawan 2020 tidak disertai dengan Pembentangan Warta dan Perintah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang disyaratkan dalam peruntukan perkara 112D(5) dan 112(8) Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) adakah perubahan kadar pemberian khas boleh dilaksanakan tanpa melalui perintah Yang di-Pertuan Agong.

60. PR-1532-L25158

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan kawasan zon bebas cukai yang baharu di kawasan Kudat untuk kemajuan di Parlimen Kudat untuk mengalakkan pelaburan dan pembangunan di daerah Kudat.

61. PR-1532-L25588

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan aduan rakyat supaya membina sebuah sekolah menengah kebangsaan bagi mengatasi isu keciciran pelajar yang semakin meningkat di kawasan melibatkan zon Kg. Klian Intan, Kg. Pahit dan Kg. Lalang kerana jarak sekolah sedia ada agak jauh.

62. PR-1532-L25868

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam memastikan kemudahan fasiliti sekolah kebangsaan berstatus "Bantuan Kerajaan" untuk mendapatkan kemudahan dan kualiti pendidikan yang sama seperti sekolah Kerajaan.

63. PR-1532-L25686

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan Tinggi dalam membantu golongan B40 atau golongan kurang berkemampuan dalam menyelesaikan hutang PTPTN sekiranya mereka tidak mendapat "kelas pertama". Hal ini kerana hampir keseluruhan peminjam PTPTN merupakan dari golongan tidak berkemampuan.

64. PR-1532-L25378

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan satu garis masa yang perinci untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) seksyen 13 dan seksyen 4(5) mengenai isu ikat jamin dan penahanan tanpa bicara selama 28 hari memandangkan Jabatan Perdana Menteri telah menyiapkan laporan kajian SOSMA dan mencadangkan Kerajaan untuk memindanya.

65. PR-1532-L25241

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara Malaysia dan Thailand yang keluar masuk melalui dari ICQS Bukit Bunga Kelantan.

66. PR-1532-L25584

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf atau menambah baik kekurangan peralatan di sekolah-sekolah terutama di Wilayah Persekutuan Labuan sehinggakan ada sesetengah sekolah yang terpaksa memohon sumbangan untuk menampung permasalahan ini terutamanya setiap kali sesi persekolahan bermula pada tahun berikutnya.

67. PR-1532-L25906

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk memberikan pendedahan kepentingan latihan TVET dan peluang latihan amali kepada pelajar sekolah menengah bersama industri terpilih Kerajaan pada musim cuti sekolah.

68. PR-1532-L25521

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan atau mekanisme untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menempatkan semula penduduk di koloni setinggian yang terletak di sepanjang kawasan pantai di daerah Sandakan atas faktor keselamatan negara.

69. PR-1532-L25243

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) jumlah pelajar menyambung pengajian dalam bidang TVET ; dan

- (b) apakah pendekatan yang diambil dalam meningkatkan penyertaan pelajar lepasan SPM untuk menyertai bidang TVET khususnya pelajar yang tercicir daripada menyambung pelajaran ke dalam bidang akademik yang lain.

70. PR-1532-L25188

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan senarai projek-projek di bawah Rancangan Tebatan Banjir yang telah dilaksanakan di Miri serta mempertimbangkan untuk memasukkan kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir seperti di Senadin, Tudan, dan Lutong ke dalam rancangan tersebut.

71. PR-1532-L25777

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah benar-benar membantu kehidupan seharian para penoreh getah pada waktu ini.

72. PR-1532-L25315

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kumpulan pengganas seperti kumpulan Jemaah Islamiyah (JI) wujud di Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan untuk membanteras kumpulan pengganas tersebut.

73. PR-1532-L24928

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) kadar enrolmen pelajar untuk bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sejak 2019 sehingga kini; dan
- (b) adakah kajian menyeluruh telah dilakukan bagi mengenal pasti punca kemerosotan dan tindakan serius memupuk minat yang lebih meluas termasuk masyarakat luar bandar dan miskin bandar.

74. PR-1532-L25858

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan capaian internet di sekolah-sekolah sekitar negeri Sabah terutamanya kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

75. PR-1532-L25984

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini bagi cadangan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Gua Musang dan pembinaan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Sri Permai di Gua Musang memandangkan bangunan sekolah yang sedia ada amat berbahaya kepada pelajar.

76. PR-1532-L24678

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana institusi kewangan Islam di Malaysia aktif dalam mengatasi isu perubahan iklim melalui pendanaan atau pelaburan yang bertanggungjawab secara sosial dan alam sekitar (ESG).

77. PR-1532-L25630

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini Malaysian Electricity Supply Industry 2.0 (MESI 2.0) serta adakah *roadmap* Akses Pihak Ketiga (TPA) akan dilaksanakan, dan pasaran borong yang kompetitif dapat diwujudkan menjelang tahun 2029.

78. PR-1532-L25518

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian dapat menetapkan satu tempoh masa yang tetap bagi menyelesaikan masalah penjanaan bekalan kuasa di Sabah supaya rakyat Sabah juga dapat menikmati bekalan elektrik yang stabil.

79. PR-1532-L25260

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai statistik hampir 75 peratus pelajar hanya lulus minimum dan ke bawah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dan apakah strategi Kementerian bagi membendung isu ini dari berlarutan pada masa akan datang.

80. PR-1532-L25700

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana pihak Kementerian hendak menyelesaikan isu kerakyatan negeri Perak bagi penduduk di sekitar Pengkalan Hulu kerana majoriti penduduk di sini terpaksa pergi ke Hospital Baling, Kedah untuk melahirkan zuriat dan didaftarkan sebagai rakyat negeri Kedah.

81. PR-1532-L25487

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini semua projek-projek tebatan banjir dan kawalan hakisan pantai yang sedang dan akan dilaksanakan Parlimen Batang Lupar serta rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini demi keselamatan penduduk setempat.

82. PR-1532-L25885

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah prosedur yang dijalankan bagi memastikan warga asing yang masuk ke negara ini sama ada untuk bekerja atau melancong tidak mempunyai rekod jenayah.

83. PR-1532-L25609

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan IWK tidak menyelenggara dalam kawasan strata perumahan pangsa menyebabkan beban berlebihan ditanggung oleh MC terutamanya rumah pangsa kos rendah dan kos sedehana rendah. Apakah Kementerian bersedia menyemak semula perjanjian dengan IWK untuk membantu MC menyelenggara salur najis.

84. PR-1532-L24476

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh manakah kajian telah dijalankan dalam mengenal pasti kawasan tadahan air sebagai langkah menjana tenaga solar tanpa menjejaskan alam sekitar dan kualiti air.

85. PR-1532-L24500

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan baru diangkat ke status Bandar Raya. Maka adakah rancangan untuk membina institusi pendidikan tinggi atau Institut Latihan TVET yang baharu di Klang pada masa depan.

86. PR-1532-L25308

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang diambil berkenaan trend penurunan pelajar mengambil pelajaran Matematik tambahan dan tiga subjek Sains Tulen iaitu Fizik, Kimia serta Biologi; dan

- (b) kerjasama yang dibuat bukan sahaja di antara Kementerian-Kementerian lain, malah kerjasama melibatkan pihak industri dan negara luar bagi mengatasi isu ini.

87. PR-1532-L25494

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini mengenai penyalahgunaan dadah di kalangan belia di Malaysia, termasuk perincian tentang jenis dadah yang paling banyak disalahgunakan dan kawasan yang paling terjejas.

88. PR-1532-L25288

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan blok bangunan kelas baharu di Sekolah Kebangsaan Penibong di Pulau Bruit, Daerah Daro. Kerja-kerja tapak sudah terbengkalai selama lebih tiga tahun dan tiada usaha untuk meneruskan pembinaan blok sekolah tersebut.

89. PR-1532-L25379

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes serangan terhadap pemandu e-hailing OKU Ong Ing Keong:

- (a) sama ada si pelaku telah disiasat dan dituduh di mahkamah; dan
- (b) sama ada pegawai-pegawai polis yang menyuruh Ong menandatangani tiga laporan polis yang direka telah diambil tindakan dan disiasat.

90. PR-1532-L25477

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk menaik taraf balai dan kuarters usang serta aset-aset Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sekitar Parlimen Batang Lupar bagi memantapkan tugas dan aktiviti kepolisan di kawasan ini.

91. PR-1532-L24464

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda atau memperkenalkan suatu perundangan khas bagi mengawal selia sektor pemberian kredit bagi bayaran ansuran.

92. PR-1532-L25293

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek meroboh dan membina baharu SK Orang Kaya Muda Pakeri, Kampung Paloh yang mana bangunan blok kelas sudah diisytiharkan tidak selamat untuk digunakan. Bilakah kerja-kerja meroboh dan pembinaan bangunan baharu dapat dimulakan.

93. PR-1532-L25036

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pelaksanaan e-Invois akan ditunda bagi golongan pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM25 juta.

94. PR-1532-L25310

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) status terkini pembinaan politeknik Kota Belud dan naik taraf Kolej Komuniti Semporna; dan
- (b) adakah terdapat rancangan pembinaan universiti awam baharu di Sabah bagi baki pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

95. PR-1532-L25276

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan insentif Kementerian bagi menggalakkan penggunaan produk cepak air.

96. PR-1532-L25350

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah syarikat di seluruh negara yang dilesenkan oleh Kementerian Dalam Negeri sebagai pembekal perkhidmatan sekuriti dan berapa syarikat itu adalah dimiliki orang Sarawak dan dianggap syarikat tempatan Sarawak.

97. PR-1532-L25692

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan kes laporan Bloomberg terkait dakwaan cadangan pembukaan kasino yang dikatakan berita palsu serta memfitnah Kerajaan dan mengapa sehingga kini belum ada pendakwaan kecuali hanya pendakwaan ke atas aktivitis tertentu.

98. PR-1532-L25713

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkaitan penjualan besar-besaran aset Tabung Haji kepada pihak UJSB:

- (a) berapa jumlah sukuk yang telah dilunaskan oleh pihak UJSB kepada Tabung Haji sehingga Mei 2024; dan
- (b) apakah kedudukan prestasi semasa UJSB berkeupayaan untuk menyelesaikan hutang-hutangnya kepada Tabung Haji dan adakah adanya jaminan Kerajaan (*government guarantee*) sekiranya gagal.

99. PR-1532-L25023

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan dan jadual masa penubuhan agensi bersepadu tunggal bagi mengawal selia dan mengurus tadbir segala urusan di kedua-dua Kompleks Imigresen dan Kastam Sultan Iskandar dan Sultan Abu Bakar bagi mengatasi masalah kesesakan di Tambak Johor dan Jambatan Kedua seperti yang dilakukan di Singapura dan Kanada.

100. PR-1532-L24914

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Naww [Tumpat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan belum mengumumkan status dan kesan penggunaan terkini mengenai 4 kalimah suci orang Islam iaitu lafaz Allah, solat, Kaabah dan Baitullah sedangkan kes melibatkan nama Allah kian meningkat.

101. PR-1532-L24427

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sekarang telah mengubah dasar ekonomi negara dengan membenarkan syarikat-syarikat asing memiliki saham dan ekuiti di dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan yang diswastakan seperti apa yang sedang berlaku sebanyak 30% saham syarikat Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) telah diambil alih oleh Global Infrastructure Partners (GIP).

102. PR-1532-L24467

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penuh statistik kemalangan yang melibatkan kenderaan yang tidak mempunyai cukai jalan serta insurans yang sah bagi tahun 2019-2024. Mohon statistik berkenaan dibahagikan kepada kesalahan yang direkodkan serta kompaun yang dikenakan.

103. PR-1532-L25796

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimana Kerajaan ingin menyelesaikan masalah perlombongan nadir bumi dengan polisi Kerajaan tidak membenarkan nadir bumi yang belum diproses dieksport ke luar negara tetapi di negara kita masih tidak ada kilang yang boleh atau diberi lesen untuk memproses nadir bumi yang diperoleh daripada negara kita.

104. PR-1532-L24791

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah dan usaha yang diambil oleh Kementerian bagi membendung masalah pemborong-pemborong di pasar borong di Malaysia yang kebanyakan telah dimonopoli oleh warga asing.

105. PR-1532-L25263

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi lebih 50,000 belia berusia 30 tahun dan ke bawah terjebak dalam masalah hutang yang mencecah jumlah RM1.9 bilion dan sejauh manakah keberkesanan peranan yang telah dimainkan Kementerian bagi membantu para belia yang terjebak dalam masalah hutang ini.

106. PR-1532-L25266

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan tahap kemajuan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Baling serta usaha membantu masyarakat di Taman Mesra, Kupang yang terkesan akibat kejadian banjir dan tanah runtuh.

107. PR-1532-L25232

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyokong industri kecil dan sederhana (IKS) dalam menghadapi situasi ekonomi semasa serta bagaimanakah Kementerian menyokong perkembangan industri tersebut dalam menyaingi cabaran kecerdasan buatan (AI) di Malaysia.

108. PR-1532-L25210

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) jumlah pengendali platform pendanaan awam ekuiti (ECF) dan pendanaan rakan setara (P2P) yang diiktiraf Kementerian dalam inisiatif untuk meningkatkan akses PMKS terhadap kaedah pembiayaan alternatif; dan

(b) status kepatuhan syariah platform-platform tersebut.

109. PR-1532-L24533

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

(a) apakah perincian pelan dan rasional Kerajaan memperkenalkan polisi subsidi bersasar minyak diesel dan RON95 yang memberikan impak besar terhadap rakyat ; dan

(b) apakah usaha dan inisiatif yang dilakukan untuk membantu rakyat yang terkesan.

110. PR-1532-L24515

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah segera dan jangka panjang menangani sekolah kurang murid serta impak kewangan yang boleh merugikan negara.

111. PR-1532-L24436

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan rasionalisasi dan penyelarasan subsidi bersasar mampu mencapai sasaran yang ditetapkan. Apakah mekanisme yang dirancang dalam melestarikan kewangan negara dan pengurusan subsidi serta keupayaan kerajaan dalam memastikan ketirisan dapat dikawal.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-Undang Timbang Tara (Pindaan) 2024.

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-Undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024

3. **Menteri Kesihatan**

- * Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2024.

4. **Menteri Kesihatan**

- * Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2024.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|---------------------------------|-----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R.28/2024) | Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024. | Bacaan Kali Yang Kedua |
| [Perdana Menteri] | | | |
| 2. | (D.R.26/2024) | Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) 2024. | “ |
| [Perdana Menteri] | | | |
| 3. | (D.R.27/2024) | Rang Undang-Undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024. | “ |
| [Perdana Menteri] | | | |
| 4. | (D.R.30/2024) | Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2024. | “ |
| [Perdana Menteri] | | | |
| 5. | (D.R.29/2024) | Rang Undang-Undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024. | “ |
| [Perdana Menteri] | | | |
| 6. | (D.R.22/2024) | Rang Undang-Undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. | “ |
| [Menteri Dalam Negeri] | | | |

7. (D.R.21/2024) Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Digital]

8. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (27 Mac 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

9. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (9 Julai 2024)**

[Menteri Dalam Negeri]

10. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

11. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

12. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

13. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

15. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

17. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

18. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

19. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

20. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuhraya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

21. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

22. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

23. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan."

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan."

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

25. PR-1532-U(27)335

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menubuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

26. PR-1532-U(27)336

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

[Menteri Pengangkutan]

27. PR-1532-U(27)337

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhimatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

28. PR-1532-U(27)338

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "stateless".

Menyedari hakikat bahawa golongan "stateless" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 21	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung UiTM Holdings Sdn. Bhd (DR.3/2024)	15 Julai 2024
ST. 84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 99	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 107	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan (FRF) Bagi Tahun 2023	15 Julai 2024
ST. 108	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 109	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2022	15 Julai 2024
ST. 113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) Bagi Tahun 2021	15 Julai 2024

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)	1. Peniaga Warga Asing di Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur 2. Gangguan Sistem Unit Peranti Bimbit dalam Kalangan Nelayan	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
YB Tuan Zulkifli bin Ismail (Jasin)	1. Lampu Jalan di Lebuhraya Alor Gajah – Melaka Tengah – Jasin 2. Masalah Tanah Runtuh dan Cerun di Taman Lipat Kajang, Jasin	1. YB Menteri Kerja Raya 2. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**